



**LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA  
BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA**  
TINGKAT 17, IBU PEJABAT JK  
KOMPLEKS KERJA RAYA MALAYSIA  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50580 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Ruj. Kami: BEM/ PPC/01  
Tarikh : 18hb. OGOS 2021

**Ybrs. En. RODZI BIN MD SAAD**

Ketua Pengarah  
Majlis Keselamatan Negara,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras LG, Blok Barat,  
Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA.**

YBrs Tuan,

**PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) SOP FASA 1  
TARIKH KUATKUASA 16 OGOS 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) adalah sebuah badan profesional yang mendaftarkan Jurutera, Teknologis Kejuruteraan, *Inspector of Works* (Pemeriksa Tapak) dan Perunding Kejuruteraan (pemilikan tunggal, pekongsian dan pertubuhan perbadanan) untuk menjalankan perkhidmatan profesional kejuruteraan melalui Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015). LJM juga mengawalselia tatakelakuan orang berdaftar di bawah Akta ini untuk melindungi kepentingan awam.
3. LJM mengambil maklum Pelan Pemulihan Negara (PPN) - SOP Fasa 1 yang berkuatkuasa pada 16 Ogos 2021 sebagaimana di bawah:

**“Senarai Perkhidmatan Perlu Yang Dibenarkan Beroperasi**

20. Perkhidmatan profesional dan juru perunding (tertakluk kepada pihak berkuasa kawal selia **badan profesional berkenaan**)”

4. Sehubungan itu, LJM bercadang memberi kebenaran kepada Perunding Kejuruteraan yang berdaftar dengan LJM untuk beroperasi dengan kapasiti kehadiran 60% pekerja dengan merujuk kepada Aktiviti 15 Perkhidmatan Swasta, SOP Fasa 1. Walau bagaimanapun LJM memohon maklumbalas sekiranya ada syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi untuk kebenaran beroperasi kepada perunding kejuruteraan.

5. Maklumbalas segera daripada pihak tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ir. Dr. MEGAT ZUHAIRY BIN MEGAT TAJUDDIN)**  
Pendaftar  
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Sk. **YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid**  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembinaan Industri Malaysia (CIDB)